

## **KEBOLEHTERIMAAN KETERANGAN FORENSIK DALAM KES-KES JENAYAH DI MALAYSIA**

Ramalinggam Rajamanickam  
rama@ukm.edu.my

### **Abstrak**

Penyelidikan ini memfokuskan kepada kebolehterimaan keterangan forensik (*forensic evidence*) dalam kes-kes jenayah di Malaysia. Penyelidikan ini sangat penting memandangkan keterangan forensik merupakan satu bentuk keterangan yang popular pada masa kini dan ia memberikan impak yang sangat besar dalam penyiasatan dan penyelesaian kes-kes jenayah. Penyelidikan ini telah menggariskan tiga objektif untuk dicapai. Pertamanya, penyelidikan ini akan mendefinisikan terma-terma asas berkaitan keterangan forensik dan menerangkan kemunculan sains forensik dalam penyiasatan kes-kes jenayah. Keduaanya, penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti permasalahan dalam kebolehterimaan keterangan forensik di Malaysia. Objektif terakhir penyelidikan ini adalah untuk mencadangkan penambahbaikan dalam konteks kebolehterimaan keterangan forensik di Malaysia. Hasil penyelidikan ini mendapati bahawa terdapat lakuna dalam peruntukan Seksyen 45 Akta Keterangan 1950 yang mengawal selia kebolehterimaan keterangan forensik di Malaysia. Terdapat tiga isu signifikan dalam kebolehterimaan keterangan forensik di Malaysia. Antaranya, skop Seksyen 45 Akta Keterangan 1950 adalah tidak komprehensif. Selain itu, penyelidikan ini juga menunjukkan bahawa Peraturan Pengetahuan Umum (*Common Knowledge Rule*) adalah diaplikasikan secara ketat di Malaysia. Malahan, ketiadaan panduan secara khusus dalam menilai kebolehpercayaan keterangan forensik merupakan salah satu permasalahan utama dalam kebolehterimaan keterangan forensik di Malaysia. Oleh itu, penyelidikan ini mencadangkan supaya peruntukan Seksyen 45 Akta Keterangan 1950 dipinda. Pindaan yang dicadangkan akan merangkumi penambahbaikan dalam tiga aspek utama. Pertamanya, skop keterangan pakar akan menjadi lebih luas berbanding peruntukan yang sedia ada. Keduaanya, Peraturan Pengetahuan Umum akan menggunakan pendekatan yang lebih fleksibel. Akhirnya, mahkamah akan mengaplikasikan ujian kebolehpercayaan statutori (*statutory reliability test*) apabila memutuskan isu kebolehpercayaan keterangan forensik.

## **THE ADMISSIBILITY OF FORENSIC EVIDENCE IN CRIMINAL CASES IN MALAYSIA**

Ramalingam Rajamanickam  
rama@ukm.edu.my

### **Abstract**

This research focuses on the admissibility of forensic evidence in criminal cases in Malaysia. The research is very significant as the forensic evidence is a form of popular evidence nowadays and it has a very large impact on the investigation and resolution of criminal cases. The research outlines three objectives to be achieved. Firstly, it defines the basic terms relating to forensic evidence and explains the emergence of forensic science in the investigation of criminal cases. Secondly, it aims at identifying the shortcomings in the admissibility of forensic evidence in Malaysia. The last objective of the research is to suggest recommendations in the context of the admissibility of forensic evidence in Malaysia. The research findings show that there is lacuna in Section 45 of Evidence Act 1950 which regulates the admissibility of forensic evidence in Malaysia. There are three significant issues pertaining to the admissibility of forensic evidence in Malaysia. Among others, the scope of Section 45 of the Evidence Act 1950 is not comprehensive. Apart from that, the research shows that the 'Common Knowledge Rule' has been strictly applied in Malaysia. Moreover, the absence of specific guidelines in assessing the reliability of forensic evidence is one of the main problems in the admissibility of forensic evidence in Malaysia. Henceforth, the research suggests that the provision of Section 45 of the Evidence Act 1950 needs to be amended. The suggested amendments will address improvements in three key aspects. Firstly, it will broaden the scope of expert testimony as compared to the existing provision. Secondly, the 'Common Knowledge Rule' will be applied in a more flexible approach. Finally, the court will apply the statutory reliability test when deciding the issue of reliability of forensic evidence.